



# UNDANG-UNDANG NEGERI MELAKA

---

CETAKAN SEMULA

---

## PERLEMBAGAAN NEGERI MELAKA

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2008*

DICETAK DENGAN  
PERSETUJUAN YANG DI-PERTUA NEGERI MENURUT  
PERKARA 36A PERLEMBAGAAN NEGERI  
MELAKA

## **PERLEMBAGAAN NEGERI MELAKA**

Diperkenalkan sebagai  
Perlembagaan Negeri Melaka ... ... ... ... ... 30 Ogos 1957

### *CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...	...	...	...	1978
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	...	...	...	...	1990
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	...	...	...	...	1995
<i>Cetakan Semula Yang Keempat</i>	...	...	...	...	2004

## **KANDUNGAN**

### **MUKA SURAT**

SUSUNAN PERKARA	5 - 7
PERLEMBAGAAN NEGERI MELAKA	9 - 37
SENARAI PINDAAN	38 - 39
SENARAI PERKARA YANG DIPINDA	40 - 41



## **UNDANG-UNDANG NEGERI MELAKA**

## **PERLEMBAGAAN NEGERI MELAKA**

---

### **SUSUNAN PERKARA**

---

#### **BAHAGIAN I**

#### **KERAJAAN NEGERI**

*Bab 1 – Yang di-Pertua Negeri*

Perkara

1. Yang di-Pertua Negeri
2. Kelayakan dan ketidakbolehan Yang di-Pertua Negeri
3. Senarai Sivil Yang di-Pertua Negeri
4. Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertua Negeri

*Bab 2 – Agama Bagi Negeri*

- 4A. Agama bagi Negeri
5. Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua agama Islam

*Bab 3 – Eksekutif*

6. Kuasa eksekutif
7. Majlis Mesyuarat Kerajaan
- 7A. Pelantikan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan
8. Yang di-Pertua Negeri hendaklah bertindak mengikut nasihat

*Bab 4 – Keupayaan Negeri mengenai harta,  
kontrak dan guaman*

9. Keupayaan Negeri mengenai harta, kontrak dan guaman

## BAHAGIAN II

## BADAN PERUNDANGAN

## Perkara

10. Keanggotaan Badan Perundangan
11. Keanggotaan Dewan Undangan Negeri
12. Kelayakan ahli
13. Kehilangan kelayakan menjadi ahli Dewan Undangan Negeri
14. Peruntukan melarang dua keanggotaan
15. Akibat kehilangan kelayakan dan larangan mengenai penamaan tanpa persetujuan
16. Berhenti daripada menjadi ahli
17. Ahli tidak hadir
18. Keputusan tentang kehilangan kelayakan
19. Memanggil, memprorog dan membubarkan Dewan Undangan Negeri
20. Speaker Dewan Undangan Negeri
21. Sumpah ahli
22. Ucapan Yang di-Pertua Negeri
23. Hak Penasihat Undang-Undang berucap dalam Dewan Undangan Negeri
24. Tatacara Dewan Undangan Negeri
25. Saraan ahli
26. Penjalanan kuasa perundangan
27. Undang-undang utama Negeri

## BAHAGIAN III

## PERUNTUKAN KEWANGAN

28. Tiada pencukaian melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang
29. Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan
30. Penyata kewangan tahunan
31. Rang Undang-Undang Perbekalan
32. Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih
33. Pengambilan keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan

BAHAGIAN IV

(*Dipotong*)

BAHAGIAN IV A

KEHORMATAN DAN KEBESARAN

Perkara

- 34A. Gelaran, martabat dan bintang kehormatan dan kebesaran
- 34B. Kuasa melucut

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN AM

- 35. Layanan sama rata bagi pekerja perkhidmatan Negeri
- 36. Pindaan Perlembagaan
- 36A. Cetakan semula Perlembagaan Negeri Melaka
- 37. Tafsiran
- 38. Mula berkuat kuasa

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN PERALIHAN

- 39. Yang di-Pertua Negeri pertama bagi Negeri
- 40. Penerusan sementara Majlis Mesyuarat Negeri Selat sebagai Majlis Mesyuarat Negeri
- 41. Peruntukan sementara mengenai keanggotaan Majlis Mesyuarat Kerajaan
- 42. Peruntukan sementara kewangan
- 43. Pertukaran pegawai

*JADUAL-JADUAL:*

*Jadual Pertama* — Bentuk Sumpah dan Ikrar

*Jadual Kedua* — (*Dipotong*)

*Jadual Ketiga* — Peruntukan Perintah Dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang terus berkuat kuasa



## UNDANG-UNDANG NEGERI MELAKA

### PERLEMBAGAAN NEGERI MELAKA

#### BAHAGIAN 1

#### KERAJAAN NEGERI

##### *Bab 1 – Yang di-Pertua Negeri*

###### **Yang di-Pertua Negeri**

**1.** (1) Maka hendaklah ada seorang Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang bertindak menurut budi bicaranya tetapi selepas berunding dengan Ketua Menteri.

(2) Yang di-Pertua Negeri hendaklah dilantik selama tempoh empat tahun tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Yang di-Pertuan Agong dan boleh dipecat dari jawatannya oleh Yang di-Pertuan Agong menurut suatu perutusan oleh Dewan Undangan Negeri yang disokong dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahlinya.

(3) Badan Perundangan boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi membolehkan Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak mengikut budi bicaranya tetapi selepas berunding dengan Ketua Menteri, melantik seorang untuk menjalankan tugas Yang di-Pertua Negeri dalam sesuatu tempoh dalam masa Yang di-Pertua Negeri tidak dapat menjalankan tugas itu oleh sebab sakit, ketidakhadiran, atau apa-apa sebab lain; tetapi tiada seseorang boleh dilantik sedemikian melainkan jika dia adalah berkelayakan dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri.

(4) Seseorang yang dilantik di bawah Fasal (3) boleh mengambil tempat Yang di-Pertua Negeri sebagai seorang ahli Majlis Raja-Raja dalam apa-apa tempoh dalam masa dia boleh menjalankan tugas Yang di-Pertua Negeri di bawah Fasal itu.

### **Kelayakan dan ketidakbolehan Yang di-Pertua Negeri**

**2.** (1) Seseorang yang bukan seorang warganegara atau yang adalah seorang warganegara melalui penaturalisasian atau dengan cara pendaftaran di bawah \*Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri.

(2) Yang di-Pertua Negeri tidak boleh memegang apa-apa jawatan berpendapatan dan tidak boleh mengambil bahagian dengan giat dalam apa-apa perusahaan komersial.

### **Senarai Civil Yang di-Pertua Negeri**

**3.** Badan Perundangan hendaklah dengan undang-undang memperuntukkan suatu Senarai Civil bagi Yang di-Pertua Negeri, yang mana hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam masa dia memegang jawatan itu.

### **Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertua Negeri**

**4.** (1) Yang di-Pertua Negeri hendaklah, sebelum menjalankan tugasnya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Hakim Besar atau di hadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi, suatu sumpah atau ikrar dalam bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Apa-apa undang-undang yang dibuat di bawah Fasal (3) Perkara 1 hendaklah membuat peruntukan yang bersamaan (dengan ubah suaian yang perlu) dengan Fasal (1).

## *Bab 2 – Agama Bagi Negeri*

### **Agama bagi Negeri**

**4A.** Islam adalah agama bagi Negeri, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Negeri.

\*CATATAN—Perkara ini telah dipotong oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963.

### **Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua agama Islam**

**5.** (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua agama Islam dalam Negeri.

(2) Badan Perundangan hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi memperaturkan hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong tentang perkara mengenai agama Islam.

### *Bab 3 – Eksekutif*

#### **Kuasa eksekutif**

**6.** Kuasa eksekutif bagi Negeri adalah terletak hak pada Yang di-Pertua Negeri tetapi tugas eksekutif boleh dengan undang-undang diberi kepada orang lain.

#### **Majlis Mesyuarat Kerajaan**

**7.** (1) Yang di-Pertua Negeri hendaklah melantik suatu Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk menasihatkannya dalam hal menjalankan tugasnya.

(2) Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu—

- (a) Yang di-Pertua Negeri hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Ketua Menteri untuk mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan seorang ahli Dewan Undangan Negeri yang pada pendapatnya akan mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan itu; dan
- (b) atas nasihat Ketua Menteri, Yang di-Pertua Negeri hendaklah melantik tidak lebih daripada sepuluh dan tidak kurang daripada empat orang ahli lain dari antara ahli Dewan Undangan Negeri,

tetapi jika sesuatu pelantikan dibuat dalam masa Dewan Undangan Negeri dibubarkan, seseorang yang menjadi ahli Dewan Undangan Negeri yang terakhir itu boleh dilantik tetapi tidak boleh terus memegang jawatan selepas mesyuarat pertama Dewan Undangan Negeri yang kemudiannya melainkan jika dia adalah seorang ahli Dewan itu.

(3) Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah bersama bertanggungjawab kepada Dewan Undangan Negeri.

(4) Jika Ketua Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Undangan Negeri maka Ketua Menteri hendaklah meletakkan jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan, melainkan jika atas permintaannya Yang di-Pertua Negeri membubarkan Dewan Undangan Negeri.

(5) (*Dipotong oleh En. No. 7/1963*).

(6) Tertakluk kepada Fasal (4), seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan selain daripada Ketua Menteri adalah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertua Negeri, melainkan jika pelantikan mana-mana ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan telah dibatalkan oleh Yang di-Pertua Negeri atas nasihat Ketua Menteri tetapi mana-mana ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa.

(7) Sebelum seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan menjalankan tugas jawatannya dia hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Yang di-Pertua Negeri suatu sumpah jawatan dan taat setia dan juga sumpah kerahsiaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(8) Walau apa pun yang tersebut dalam Perkara ini, seseorang yang menjadi warganegara melalui penaturalisasi atau dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dilantik menjadi Ketua Menteri.

(9) Ketua Menteri tidak boleh memegang apa-apa jawatan berpendapatan dan tidak boleh mengambil bahagian dengan giat dalam apa-apa perusahaan komersial.

(10) Seseorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang berkaitan dengan sesuatu perkara atau jabatan yang atasnya dia bertanggungjawab dan selagi dia mengambil bahagian dalam apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion, dia tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan berhubung dengan perdagangan, perniagaan atau profesion itu atau dalam apa-apa keputusan yang mungkin melibatkan kepentingan kewangannya di dalamnya.

(11) Badan Perundangan hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**Pelantikan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan**

**7A.** (1) Maka hendaklah diwujudkan jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri; dan pelantikan bagi jawatan-jawatan itu hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan dari kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang berkaitan.

(2) Tiap-tiap pegawai sedemikian hendaklah berhak mengambil bahagian dalam prosiding Majlis Mesyuarat Kerajaan dan boleh dilantik menganggotai mana-mana jawatankuasanya tetapi tidaklah mempunyai apa-apa undi dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan atau dalam mana-mana jawatankuasa itu.

(3) Mana-mana orang yang, sebelum sahaja Perkara ini mula berkuat kuasa, memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri hendaklah terus memegang jawatan tersebut mengikut cara yang sama seolah-olah dia telah dilantik di bawah Perkara ini.

**Yang di-Pertua Negeri hendaklah bertindak mengikut nasihat**

**8.** (1) Pada menjalankan tugasnya di bawah Perlembagaan ini atau di bawah mana-mana undang-undang atau sebagai seorang ahli Majlis Raja-Raja, Yang di-Pertua Negeri hendaklah bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat seorang ahlinya yang bertindak di bawah kuasa am Majlis Mesyuarat Kerajaan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan ini; tetapi Yang di-Pertua Negeri adalah berhak, atas permintaannya, mendapat apa-apa maklumat mengenai pemerintahan Negeri yang boleh didapati oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(1A) Jika pada menjalankan tugasnya di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai anggota Majlis Raja-Raja, Yang di-Pertua Negeri dikehendaki bertindak mengikut nasihat atau atas nasihat mana-mana orang atau kumpulan orang, maka Yang di-Pertua Negeri hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

(2) Yang di-Pertua Negeri boleh bertindak menurut budi bicaranya pada melaksanakan tugas yang berikut, iaitu—

- (a) melantik seorang Ketua Menteri; dan
- (b) tidak mempersetujui permintaan bagi membubarkan Dewan Undangan Negeri.

(3) Undang-undang Negeri boleh membuat peruntukan bagi menghendaki Yang di-Pertua Negeri bertindak pada menjalankan tugas yang lain daripada yang berikut, selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang yang lain daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan—

- (a) tugas yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya; dan
- (b) tugas lain jika untuk menjalankannya peruntukan ada dibuat dalam Perlembagaan Persekutuan atau dalam Perlembagaan ini.

*Bab 4 – Keupayaan Negeri mengenai harta,  
kontrak dan guaman*

**Keupayaan Negeri mengenai harta, kontrak dan guaman**

**9.** (1) Negeri mempunyai kuasa untuk mengambil, memegang dan melepaskan harta daripada apa-apa jenis dan untuk membuat kontrak.

(2) Negeri boleh membawa guaman dan dibawa guaman.

**BAHAGIAN II**  
**BADAN PERUNDANGAN**

**Keanggotaan Badan Perundangan**

**10.** Badan Perundangan hendaklah mengandungi Yang di-Pertua Negeri dan suatu Majlis yang dinamakan Dewan Undangan Negeri.

### **Keanggotaan Dewan Undangan Negeri**

**11.** Dewan Undangan Negeri hendaklah mengandungi ahli yang dipilih mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan bilangan ahlinya hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Badan Perundangan.

### **Kelayakan ahli**

**12.** Tiap-tiap warganegara yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang bermastautin dalam Negeri adalah layak menjadi seorang ahli Dewan Undangan Negeri, melainkan jika dia kehilangan kelayakan menjadi ahli menurut Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan ini atau menurut mana-mana undang-undang yang tersebut dalam Perkara 13.

### **Kehilangan kelayakan menjadi ahli Dewan Undangan Negeri**

**13.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, seseorang hilang kelayakan menjadi ahli Dewan Undangan Negeri jika—

- (a) dia adalah dan telah didapati atau diisyiharkan tidak sempurna akal;
- (b) dia seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) dia memegang sesuatu jawatan berpendapatan;
- (d) setelah dinamakan untuk dipilih menjadi ahli mana-mana satu Majlis Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri, atau setelah bertugas sebagai ejen pilihan raya bagi seseorang yang dinamakan sedemikian, dia tidak menghantar apa-apa penyata perbelanjaan pilihan raya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki;
- (e) dia telah disabitkan suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di Persekutuan dan dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat pengampunan bebas;
- (f) dia kehilangan kelayakan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan kesalahan berkenaan dengan pilihan raya bagi mana-mana satu majlis Parlimen atau

bagi Dewan Undangan Negeri oleh kerana disabitkan suatu kesalahan itu atau telah dibuktikan dalam pembicaraan berhubung dengan suatu pilihan raya itu sebagai bersalah atas suatu perbuatan yang menjadikan kesalahan itu; atau

- (g) dia telah dengan sukarela memperoleh kewarganegaraan mana-mana negeri di luar Persekutuan atau telah dengan sukarela menggunakan hak kewarganegaraan mana-mana negeri di luar Persekutuan atau telah membuat sesuatu akuan taat setia kepada mana-mana negeri luar Persekutuan.

(2) Kehilangan kelayakan seseorang di bawah perenggan (d) atau perenggan (e) Fasal (1) boleh dibatalkan oleh Yang di-Pertua Negeri dan jika sekiranya tidak dibatalkan sedemikian, kehilangan kelayakan itu hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun yang dikira mulai dari tarikh penyata yang tersebut dalam perenggan (d) itu dikehendaki diserahkan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dari tarikh orang yang disabitkan sebagaimana tersebut dalam perenggan (e) itu dilepaskan daripada jagaan atau dari tarikh denda yang disebut dalam perenggan (e) tersebut dikenakan ke atas orang itu; dan seseorang tidaklah boleh dihilangkan kelayakannya di bawah perenggan (g) Fasal (1) semata-mata oleh sebab apa-apa juga yang dilakukan olehnya sebelum dia menjadi warganegara.

(3) Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan yang tersebut di atas dalam Perkara ini, di mana seseorang ahli Dewan Negeri menjadi hilang kelayakan dari terus menjadi ahli Dewan itu menurut perenggan (e) Fasal (1) atau di bawah mana-mana undang-undang yang disebut dalam perenggan (f) Fasal (1)—

- (a) kehilangan kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh dia—
  - (i) disabitkan dan dihukum sebagaimana dinyatakan dalam perenggan (e) yang tersebut di atas; atau
  - (ii) disabitkan atas suatu kesalahan atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan di bawah suatu undang-undang seperti yang disebut dalam perenggan (f) tersebut di atas; atau
- (b) jika dalam tempoh empat belas hari yang dinyatakan dalam perenggan (a) suatu rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah lain dibawa berkenaan dengan sabitan atau

hukuman itu, atau berkenaan dengan kena disabitkan atau dibuktikan bersalah sedemikian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kehilangan kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah yang lain itu dilupuskan oleh mahkamah itu; atau

- (c) jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau tempoh selepas pelupusan rayuan atau prosiding mahkamah yang lain yang dinyatakan dalam perenggan (b) itu ada difailkan suatu petisyen mendapat ampuh, maka kehilangan kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja petisyen itu dilupuskan.

(4) Fasal (3) tidaklah terpakai bagi maksud penamaan atau pilihan raya mana-mana orang ke Dewan Undangan Negeri, dan bagi maksud tersebut kehilangan kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja berlakunya kejadian yang disebut dalam perenggan (e) atau (f) Fasal (1), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Seseorang yang meletakkan keahliannya dalam Dewan Undangan Negeri bagi Negeri ini atau mana-mana Negeri lain hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh peletakan keahliannya berkuat kuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Undangan Negeri bagi Negeri ini.

### **Peruntukan melarang dua keanggotaan**

**14.** Seseorang tidak boleh pada suatu masa menjadi ahli Dewan Undangan Negeri untuk mewakili lebih daripada satu bahagian pilihan raya.

### **Akibat kehilangan kelayakan dan larangan mengenai penamaan tanpa persetujuan**

**15.** (1) Jika seseorang ahli Dewan Undangan Negeri hilang kelayakan menjadi ahli Dewan itu maka kosonglah kerusinya itu.

(2) Jika seseorang yang hilang kelayakan menjadi ahli Dewan Undangan Negeri dipilih bagi Dewan itu, atau jika sesuatu pilihan raya adalah berlawanan dengan Perkara 14 maka pilihan raya itu adalah terbatal.

(3) (*Dipotong oleh En. No. 7/1963*).

(4) Seseorang tidak boleh dinamakan dengan sahnya untuk dipilih menjadi ahli Dewan Undangan Negeri tanpa persetujuan orang itu.

### **Berhenti daripada menjadi ahli**

**16.** Seseorang ahli Dewan Undangan Negeri boleh berhenti daripada menjadi ahli dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Speaker.

### **Ahli tidak hadir**

**17.** Jika seseorang ahli Dewan Undangan Negeri tidak hadir pada tiap-tiap persidangan Dewan itu selama tempoh enam bulan tanpa kebenaran Dewan itu maka bolehlah Dewan itu mengisyiharkan kerusinya sebagai kosong.

### **Keputusan tentang kehilangan kelayakan**

**18.** (1) Jika berbangkit apa-apa soal sama ada seseorang ahli Dewan Undangan Negeri telah hilang kelayakan menjadi ahli maka soal itu hendaklah diputuskan oleh Dewan itu dan keputusannya itu adalah muktamad:

Dengan syarat bahawa Perkara ini hendaklah tidak dianggap sebagai menghalang amalan Dewan menangguhkan sesuatu keputusan untuk membenarkan penentuan apa-apa prosiding yang akan memberi kesan kepada keputusan itu (termasuk prosiding untuk menyingkirkan kehilangan kelayakan itu).

(2) Jika seseorang ahli Dewan Undangan Negeri menjadi hilang kelayakan di bawah perenggan (e) Fasal (1) Perkara 13 atau di bawah mana-mana undang-undang yang disebut dalam perenggan (f) Fasal (1) Perkara 13, maka Fasal (1) yang tersebut tidaklah terpakai dan dia hendaklah terhenti menjadi ahli Dewan Undangan Negeri itu, dan kerusinya hendaklah menjadi kosong, sebaik sahaja kehilangan kelayakan berkuat kuasa mengikut Fasal (3) Perkara 13.

### **Memanggil, memprorog dan membubarkan Dewan Undangan Negeri**

**19.** (1) Yang di-Pertua Negeri hendaklah memanggil Dewan Undangan Negeri bermesyuarat dari semasa ke semasa dan tidak boleh membiarkan jarak enam bulan antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal yang kemudiannya.

(2) Yang di-Pertua Negeri boleh memprorog atau membubarkan Dewan Undangan Negeri.

(3) Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Dewan Undangan Negeri hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah terbubar.

(4) Apabila Dewan Undangan Negeri dibubarkan suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pembubaran itu dan Dewan Undangan Negeri baru itu hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada seratus dua puluh hari dari tarikh pembubaran itu.

(5) Sesuatu kekosongan luar jangka hendaklah diisi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya adanya kekosongan:

Dengan syarat bahawa jika kekosongan luar jangka itu dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Undangan Negeri hendaklah, mengikut Fasal (3), menjadi bubar, maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Speaker memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Undangan itu terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan itu kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima.

### **Speaker Dewan Undangan Negeri**

**20.** (1) Dewan Undangan Negeri hendaklah dari semasa ke semasa memilih mana-mana orang yang ditentukan oleh Dewan sebagai Speaker, dan tidaklah boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Speaker kosong selain daripada pemilihan Speaker.

(1A) Seseorang tidak boleh dipilih menjadi Speaker melainkan jika dia adalah seorang ahli atau layak menjadi ahli Dewan Undangan Negeri.

(1B) Mana-mana orang yang terpilih menjadi Speaker yang bukan ahli Dewan Undangan Negeri—

- (a) hendaklah, sebelum menjalankan tugas jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan Undangan Negeri sumpah jawatan; dan
- (b) hendaklah, oleh sebab dia memegang jawatannya itu, menjadi ahli Dewan Undangan Negeri sebagai tambahan kepada ahli yang dipilih ke Dewan:

Dengan syarat bahawa perenggan (b) tidaklah mempunyai kesan bagi maksud peruntukan Perkara 7 dan tiada seorang pun berhak, menurut kuasa perenggan itu, mengundi atas apa-apa perkara di hadapan Dewan.

(2) Speaker boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila Dewan Undangan Negeri bermesyuarat bagi pertama kalinya selepas suatu pilihan raya umum;
- (b) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Undangan Negeri selain daripada sebab pembubarannya atau, jika dia menjadi ahli hanya oleh sebab perenggan (b) Fasal (1B), apabila dia terhenti menjadi layak untuk menjadi ahli;
- (c) apabila hilang kelayakan di bawah Fasal (5); atau
- (d) jika Dewan Undangan Negeri pada bila-bila masa memutuskan sedemikian.

(2A) Dewan Undangan Negeri boleh dari semasa ke semasa memilih salah seorang ahlinya untuk menjadi Timbalan Speaker.

(2B) Timbalan Speaker boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya, dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) jika dia terhenti menjadi ahli Dewan Undangan Negeri;
- (b) jika dia hilang kelayakan di bawah Fasal (5); atau
- (c) jika Dewan Undangan Negeri pada bila-bila masa memutuskan sedemikian.

(3) Dalam masa Speaker tidak hadir dalam sesuatu persidangan Dewan Undangan Negeri Timbalan Speaker atau, jika Timbalan Speaker tidak dapat hadir atau jika jawatan Timbalan Speaker itu kosong, seorang ahli lain sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah tatacara Dewan itu hendaklah menjalankan tugas sebagai Speaker.

(4) Badan Perundangan hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan Speaker atau Timbalan Speaker dan saraan yang diperuntukkan sedemikian hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

(5) Seseorang yang dipilih menjadi Speaker atau Timbalan Speaker hilang kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia menjadi ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan komersial, perindustrian atau pengusahaan lain, sama ada dia menerima atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa kehilangan kelayakan itu tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(6) Jika timbul sesuatu soalan mengenai kehilangan kelayakan Speaker atau Timbalan Speaker di bawah Fasal (5), Dewan Undangan Negeri hendaklah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah muktamad.

### **Sumpah ahli**

**21.** (1) Tiap-tiap ahli Dewan Undangan Negeri hendaklah sebelum mengambil tempatnya mengangkat dan menandatangani di hadapan orang yang mengetuai persidangan Dewan itu suatu sumpah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, tetapi seseorang ahli boleh sebelum mengangkat sumpah itu mengambil bahagian dalam urusan memilih Speaker.

(2) Jika seseorang ahli tidak mengambil tempatnya dalam masa tiga bulan dari tarikh Dewan Undangan Negeri bersidang bagi pertama kalinya selepas dia dipilih atau dalam masa yang lebih lanjut sebagaimana dibenarkan oleh Dewan itu maka hendaklah menjadi kosong tempatnya.

### **Ucapan Yang di-Pertua Negeri**

**22.** Yang di-Pertua Negeri boleh memberi ucapan dalam Dewan Undangan Negeri dan boleh menghantar perutusan kepada Dewan itu.

### **Hak Penasihat Undang-Undang berucap dalam Dewan Undangan Negeri**

**23.** (1) Penasihat Undang-Undang bagi Negeri adalah berhak mengambil bahagian dalam penjalanan Dewan Undangan Negeri.

(2) Dewan Undangan Negeri boleh melantik Penasihat Undang-Undang bagi Negeri menjadi seorang ahli bagi mana-mana jawatankuasanya.

(3) Perkara ini tidak membenarkan Penasihat Undang-Undang mengundi dalam Dewan Undangan Negeri atau dalam mana-mana jawatankuasanya.

### **Tatacara Dewan Undangan Negeri**

**24.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan ini Dewan Undangan Negeri hendaklah membuat peraturan-peraturan mengenai tatacaranya sendiri.

(2) Dewan Undangan Negeri boleh menjalankan urusannya walaupun ada sesuatu kekosongan dalam keahliannya, dan kehadiran atau penyertaan seseorang yang tidak berhak hadir atau turut serta tidaklah menidaksahkan mana-mana prosiding.

(3) Tertakluk kepada Fasal (4) dan Fasal (3) Perkara 36, Dewan itu hendaklah, jika tidak sebulat suara, mengambil keputusannya mengikut majoriti biasa ahli yang mengundi; dan orang yang

mengetuai Dewan itu hendaklah membuang undinya apabila perlu bagi mengelakkan undi sama banyak, tetapi tidak boleh mengundi dalam apa-apa hal lain.

(4) Pada membuat peraturan-peraturan mengenai tatacaranya, Dewan itu boleh memperuntukkan, mengenai apa-apa keputusan berhubung dengan prosidingnya, bahawa keputusan itu tidak boleh dibuat kecuali dengan majoriti yang ditentukan atau dengan bilangan undi yang ditentukan.

(5) Ahli yang tidak hadir dalam persidangan Dewan itu tidak boleh dibenarkan mengundi.

### **Saraan ahli**

**25.** Badan Perundangan hendaklah dengan undang-undang membuat peruntukan bagi saraan ahli Dewan Undangan Negeri.

### **Penjalanan kuasa perundangan**

**26.** (1) Kuasa bagi Badan Perundangan membuat undang-undang hendaklah dijalankan dengan Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan dipersetujui oleh Yang di-Pertua Negeri.

(2) Tiada sesuatu Rang Undang-Undang atau pindaan yang melibatkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Disatukan boleh dikemukakan atau dicadangkan dalam Dewan Undangan Negeri kecuali oleh seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(2A) Yang di-Pertua Negeri hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepada beliau mempersetujui Rang Undang-Undang tersebut.

(2B) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak dipersetujui oleh Yang di-Pertua Negeri dalam tempoh yang ditetapkan dalam Fasal (2A), Rang Undang-Undang tersebut hendaklah menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam Fasal tersebut mengikut cara yang sama seolah-olah beliau telah mempersetujui Rang Undang-Undang itu.

(3) Selepas mempersetujui sesuatu Rang Undang-Undang, Yang di-Pertua Negeri hendaklah mengarahkan supaya Rang Undang-Undang itu disiarkan sebagai undang-undang, dan undang-undang itu hendaklah dinamakan sebagai suatu Enakmen.

(4) Suatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apabila dipersetujui oleh Yang di-Pertua Negeri atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (2B) tetapi tiada sesuatu undang-undang boleh berjalan kuat kuasanya sehingga ia telah disiarkan, tetapi walau bagaimanapun ini tidaklah menyentuh kuasa Badan Perundangan bagi menangguhkan penjalanan kuat kuasa sesuatu undang-undang atau bagi membuat undang-undang dengan kuat kuasa ke belakang.

(5) (*Dipotong oleh En. No. 1/1984*).

### **Undang-undang utama Negeri**

**27.** Apa-apa Enakmen yang diluluskan selepas hari Merdeka yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.

### **BAHAGIAN III**

#### **PERUNTUKAN KEWANGAN**

##### **Tiada pencukaian melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang**

**28.** Tiada apa-apa cukai atau kadar boleh dilevi oleh atau bagi maksud Negeri kecuali dengan atau di bawah kuasa undang-undang.

##### **Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan**

**29.** (1) Selain daripada apa-apa pemberian, saraan atau apa-apa wang lain yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan

menurut mana-mana peruntukan lain Perlembagaan ini atau menurut undang-undang Negeri, maka hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan—

- (a) segala caj hutang yang tertanggung kepada Negeri; dan
- (b) apa-apa wang yang dikehendaki bagi menunaikan apa-apa penghakiman, keputusan atau award terhadap Negeri oleh mana-mana mahkamah atau tribunal.

(2) Bagi maksud Perkara ini caj hutang termasuk bunga, caj kumpulan wang penjelas hutang, pembayaran balik atau pelunasan hutang, dan segala perbelanjaan berkenaan dengan mendapatkan pinjaman atas jaminan Kumpulan Wang Disatukan dan pembayaran bunga atas hutang dan penebusan hutang yang diwujudkan dengan jalan sedemikian.

### **Penyata kewangan tahunan**

**30.** (1) Yang di-Pertua Negeri hendaklah, bagi tiap-tiap tahun kewangan, mengarah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri suatu penyata anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi Negeri untuk tahun itu, dan melainkan jika selainnya diperlukan oleh Badan Perundangan bagi mana-mana tahun, penyata itu hendaklah dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun itu.

(2) Anggaran perbelanjaan hendaklah menunjukkan—

- (a) jumlah wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan; dan
- (b) tertakluk kepada Fasal (3), jumlah wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan bagi maksud lain yang dicadang untuk dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.

(3) Jumlah wang yang akan ditunjukkan di bawah perenggan

(b) Fasal (2) tidaklah termasuk—

- (a) jumlah wang pinjaman yang didapat oleh Negeri bagi maksud tertentu dan yang diintarkan bagi maksud itu oleh undang-undang yang membenarkan pinjaman itu diperdapatkan;

- (b) jumlah wang yang diterima oleh Negeri, iaitu wang atau bunga bagi wang yang tertakluk kepada sesuatu amanah dan yang akan digunakan mengikut terma amanah itu; dan
  - (c) jumlah wang yang dipegang oleh Negeri, iaitu wang yang telah diterima atau diuntukkan bagi maksud sesuatu kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah atau mengikut undang-undang persekutuan atau Negeri.
- (4) Penyata tersebut hendaklah juga menunjukkan, setakat mana yang boleh, aset dan liabiliti Negeri pada akhir tahun kewangan yang baru genap, caranya aset itu dilabur atau dipegang, dan maksud am yang berkenaan dengannya liabiliti itu masih belum selesai.

### **Rang Undang-Undang Perbekalan**

**31.** Perbelanjaan yang akan dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan tetapi tidak dipertanggungkan padanya, melainkan perbelanjaan yang akan dibayar dengan jumlah wang yang tersebut dalam Fasal (3) Perkara 30, hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-Undang dinamakan Rang Undang-Undang Perbekalan yang memperuntukkan pengeluaran jumlah wang yang perlu daripada Kumpulan Wang Disatukan itu untuk membayar perbelanjaan itu dan penguntukan jumlah wang itu bagi maksud yang dinyatakan dalamnya.

### **Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih**

**32.** Jika sekiranya didapati bagi sesuatu tahun kewangan—

- (a) jumlah wang yang diuntukkan oleh Enakmen Perbekalan bagi sesuatu maksud tidak mencukupi, atau bahawa keperluan telah timbul untuk melakukan perbelanjaan bagi sesuatu maksud yang wang tidak ada diuntukkan baginya oleh Enakmen Perbekalan; atau
- (b) apa-apa wang telah dibelanjakan bagi sesuatu maksud lebih daripada jumlah yang diuntukkan (jika ada) bagi maksud itu oleh Enakmen Perbekalan,

suatu anggaran tambahan menunjukkan jumlah wang yang dikehendaki atau telah dibelanjakan itu hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri, dan maksud bagi apa-apa perbelanjaan itu hendaklah dimaksudkan dalam suatu Rang Undang-Undang Perbekalan.

**Pengambilan keluar daripada Kumpulan Wang Disatukan**

**33.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini yang berikut, tiada apa-apa wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan melainkan jika wang itu adalah—

- (a) dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan; atau
- (b) dibenar dikeluarkan oleh suatu Enakmen Perbekalan.

(2) Tiada apa-apa wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan kecuali mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

(3) Fasal (1) tidaklah terpakai bagi apa-apa jumlah wang yang disebut dalam Fasal (3) Perkara 30.

(4) Badan Perundangan boleh berkenaan dengan suatu tahun kewangan dengan undang-undang membenarkan, sebelum diluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan, perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Disatukan apa-apa wang yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan itu.

**BAHAGIAN IV**

*(Dipotong oleh En. No. 3/1994).*

**BAHAGIAN IVA****KEHORMATAN DAN KEBESARAN****Gelaran, martabat dan bintang kehormatan dan kebesaran**

**34A.** Yang di-Pertua Negeri ialah cucuran segala kehormatan dan kebesaran dalam Negeri ini dan dia sahajalah yang boleh

mengadakan dan mengurniakan gelaran, martabat dan bintang kehormatan dan kebesaran, sama ada gelaran, martabat atau bintang itu telah diadakan atau dikurniakan ataupun belum:

Dengan syarat bahawa—

- (a) sebelum Yang di-Pertua Negeri menjalankan prerogatifnya di bawah Perkara ini dia hendaklah terlebih dahulu mendapat nasihat Ketua Menteri; dan
- (b) jika perwujudan apa-apa gelaran, martabat atau bintang kehormatan dan kebesaran akan melibatkan perbelanjaan hasil Negeri, persetujuan Dewan Undangan Negeri diperlukan.

### **Kuasa melucut**

**34B.** Yang di-Pertua Negeri boleh, atas nasihat Ketua Menteri, melucutkan mana-mana orang yang telah dikurniakan apa-apa gelaran, martabat atau bintang kehormatan dan kebesaran yang dikurniakan olehnya sebelum atau selepas kuat kuasa Bahagian ini jika orang itu telah melakukan sesuatu kesalahan besar.

## BAHAGIAN V

### PERUNTUKAN AM

#### **Layanan sama rata bagi pekerja perkhidmatan Negeri**

**35.** Semua orang dari apa jua kaum dalam gred yang sama dalam perkhidmatan Negeri hendaklah, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan mereka, diberi layanan yang sama rata.

#### **Pindaan Perlembagaan**

**36.** (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Perkara ini, peruntukan Perlembagaan ini boleh dipinda dengan suatu Enakmen.

(2) Tiada sesuatu pindaan kepada Perlembagaan ini boleh dibuat sebelum Dewan Undangan Negeri ditubuhkan mengikut Perkara 11, kecuali sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majlis

Mesyuarat Negeri untuk menghapuskan apa-apa kesulitan dalam peralihan daripada perkiraan perlembagaan yang berjalan sebelum sahaja Hari Merdeka kepada perkiraan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan ini; tetapi mana-mana undang-undang yang dibuat menurut Fasal ini hendaklah, melainkan jika dimansuhkan terlebih dahulu, terhenti berkuat kuasa setelah tamat tempoh dua belas bulan mulai dari hari Dewan Undangan Negeri bersidang kali pertama.

(3) Sesuatu Rang Undang-Undang untuk membuat suatu pindaan kepada Perlembagaan ini (selain daripada pindaan yang dikecualikan daripada peruntukan Fasal ini) tidak boleh diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri melainkan jika Rang Undang-Undang itu telah disokong pada Bacaan Kali Kedua dan Ketiga dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahlinya.

(4) Sesuatu pindaan yang dibuat bagi maksud menyelaraskan Perlembagaan ini dengan peruntukan Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan yang pada masa itu berkuat kuasa atau berbangkit daripada suatu Enakmen yang tersebut dalam Perkara 11 dikecualikan daripada peruntukan Fasal (3).

(4A) Pindaan yang berikut dikecualikan daripada peruntukan Fasal (3) iaitu, apa-apa pindaan kepada takrif wilayah Negeri, yang dibuat berbangkit daripada kelulusan suatu undang-undang yang mengubah sempadan Negeri di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan yang telah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri dan Majlis Raja-Raja di bawah Perkara tersebut.

(5) Dalam Perkara ini “pindaan” termasuklah tambahan dan pemansuhan.

### **Cetakan semula Perlembagaan Negeri Melaka**

**36A.** Pihak berkuasa yang dilantik di bawah undang-undang Negeri bagi maksud menyemak undang-undang boleh, dengan persetujuan Yang di-Pertua Negeri, membenarkan dicetak salinan Perlembagaan Negeri Melaka, termasuk semua pindaan yang berkuat kuasa pada tarikh kebenaran itu diberikan dan mana-mana salinan yang dicetak sedemikian hendaklah bagi semua maksud disifatkan sebagai salinan yang benar dan tepat Perlembagaan Negeri Melaka.

## **Tafsiran**

**37.** (1) Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, perbahasan yang berikut adalah mempunyai erti sebagaimana yang diberi dengan ini kepadanya masing-masing, iaitu—

“Dewan Undangan Negeri” ertinya Dewan Undangan Negeri bagi Negeri;

“Kumpulan Wang Disatukan” ertinya Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri;

“Negeri” ertinya Negeri Melaka;

“Perlembagaan Persekutuan” ertinya Perlembagaan bagi Persekutuan;

“Yang di-Pertua Negeri” ertinya Ketua bagi Negeri.

(2) Melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, apa-apa rujukan dalam Perlembagaan ini mengenai sesuatu Perkara, Bahagian atau Jadual yang ditentukan ialah rujukan mengenai Perkara atau Bahagian dalam Perlembagaan ini atau Jadual kepada Perlembagaan ini; dan apa-apa rujukan mengenai sesuatu Fasal yang ditentukan ialah rujukan mengenai Fasal bagi Perkara dalam mana rujukan itu didapati.

(3) Rujukan dalam Perlembagaan ini mengenai Perintah dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu 1948, ialah rujukan mengenai Perintah itu yang berkuat kuasa sebelum sahaja Hari Merdeka.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini yang di atas, Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan dipakai bagi pentafsiran Perlembagaan ini sebagaimana ia dipakai bagi pentafsiran Perlembagaan Persekutuan, tetapi dengan ubah suaian iaitu pada memakainya bagi Perlembagaan ini, Fasal (1) Perkara 160 hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia telah mengarahkan supaya rujukan mengenai Pesuruhjaya Tinggi dalam \*Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 [*M.U. 7 tahun 1948*] sebagaimana dikenakan oleh

---

\*CATATAN—Ordinan ini telah disatukan dan disemak menjadi Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] mula berkuat kuasa pada 19 Oktober 1989.

Perkara itu digantikan dengan rujukan mengenai Yang di-Pertua Negeri, bukan mengenai Yang di-Pertuan Agong.

**Mula berkuat kuasa**

**38.** Tertakluk kepada peruntukan Bahagian VI, Perlembagaan ini hendaklah mula berjalan berkuatkuasanya sebelum sahaja Hari Merdeka.

**BAHAGIAN VI****PERUNTUKAN PERALIHAN****Yang di-Pertua Negeri pertama bagi Negeri**

**39.** Yang di-Pertua Negeri pertama hendaklah seorang yang dinamakan sebelum Hari Merdeka oleh Baginda Ratu dan Majlis Raja-Raja selepas berunding dengan Ketua Menteri Persekutuan, dan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selama tempoh jawatan yang tamat pada akhir tempoh dua tahun mulai dari Hari Merdeka.

**Penerusan sementara Majlis Mesyuarat Negeri Selat sebagai Majlis Mesyuarat Negeri**

**40.** (1) Majlis Mesyuarat Negeri Selat Melaka yang ditubuhkan di bawah Perintah dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu 1948, hendaklah masih ada pada dan selepas Hari Merdeka dan hendaklah dikenali sebagai Majlis Mesyuarat Negeri bagi Melaka dan, tertakluk kepada peruntukan Fasal (2) Perkara ini adalah terbubar pada satu haribulan Januari seribu sembilan ratus lima puluh sembilan.

(2) Jika Suruhanjaya Pilihan Raya menasihatkan Yang di-Pertua Negeri bahawa adalah tidak munasabah dilaksanakan sebelum satu haribulan Januari seribu sembilan ratus lima puluh sembilan, untuk mengadakan, mengikut Perlembagaan Persekutuan, Pilihan Raya bagi Dewan Undangan Negeri yang akan ditubuhkan di bawah Bahagian II, Yang di-Pertua Negeri boleh dengan Proklamasi meneruskan Majlis Mesyuarat Negeri sehingga suatu tarikh, tidak lewat daripada hujung bulan Jun tahun itu, sebagaimana yang

dinyatakan dalam Proklamasi itu, dan Majlis Mesyuarat Negeri hendaklah berterusan dengan sewajarnya dan adalah terbubar pada tarikh itu.

(3) Yang di-Pertua Negeri hendaklah melantik seorang Speaker Majlis Mesyuarat Negeri, dan tertakluk kepada peruntukan mana-mana Enakmen dia boleh membenarkan pembayaran saraan kepada Speaker itu.

(4) Jika berlaku sesuatu kekosongan luar jangka antara ahli yang dinamakan, Yang di-Pertua Negeri boleh melantik seorang untuk mengisi kekosongan itu sama ada dia memegang jawatan di bawah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau tidak.

(5) Jika berlaku sesuatu kekosongan luar jangka antara ahli yang dipilih, kekosongan itu hendaklah diisi seberapa hampir yang boleh menurut peruntukan Enakmen (Pilihan Raya) Majlis Mesyuarat Negeri Selat Melaka 1954.

(6) Sehingga dibubarkan Majlis Mesyuarat Negeri, Bahagian II tidak boleh dipakai, dan kuasa Badan Perundangan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan ini, selain daripada kuasa di bawah Perkara 36, hendaklah dijalankan oleh Yang di-Pertua Negeri dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri; dan dengan demikian itu, berhubung dengan tempoh yang berakhir dengan pembubaran Majlis Mesyuarat Negeri, rujukan dalam Perlembagaan ini, selain daripada rujukan dalam Perkara 36 dan Bahagian ini, mengenai Dewan Undangan Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan mengenai Majlis Mesyuarat Negeri.

(7) Sehingga dibubarkan Majlis Mesyuarat Negeri peruntukan Perintah dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu 1948, yang dinyatakan dalam ruang pertama, Jadual Ketiga hendaklah terus berkuat kuasa, tertakluk kepada ubah suaian yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual itu dan kepada ubah suaian tambahan yang berikut iaitu—

- (a) rujukan mengenai Pesuruhjaya Tinggi hendaklah diganti dengan rujukan mengenai Yang di-Pertua Negeri;
- (b) rujukan mengenai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selat hendaklah diganti dengan rujukan mengenai Majlis Mesyuarat Kerajaan;

- (c) rujukan mengenai Majlis Mesyuarat Negeri Selat hendaklah diganti dengan rujukan mengenai Majlis Mesyuarat Negeri;
- (d) rujukan mengenai Negeri Selat hendaklah diganti dengan rujukan mengenai Negeri; dan
- (e) rujukan mengenai sesuatu jawatan beremolumen di bawah mana-mana kerajaan dalam Persekutuan tidak boleh ditafsirkan sebagai rujukan mengenai jawatan Ketua Menteri atau mengenai jawatan mana-mana ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

### **Peruntukan sementara mengenai keanggotaan Majlis Mesyuarat Kerajaan**

**41.** (1) Sehingga tarikh pilihan raya pertama bagi Dewan Undangan Negeri yang ditubuhkan mengikut Perkara 11, Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah terdiri daripada Ketua Menteri, tiga orang ahli *ex officio* Majlis Mesyuarat Negeri dan beberapa ahli Majlis Mesyuarat Negeri, tidak boleh lebih daripada enam orang, sebagaimana yang dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri atas nasihat Ketua Menteri.

(2) Berhubung dengan tempoh yang bermula dengan pembubaran Majlis Mesyuarat Negeri dan berakhir dengan tarikh yang tersebut dalam Fasal (1), rujukan dalam Fasal (1) mengenai ahli Majlis Mesyuarat Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan mengenai orang yang mana adalah ahli pada masa pembubaran itu.

### **Peruntukan sementara kewangan**

**42.** (1) Tertakluk kepada Fasal (3) Bahagian III tidak boleh berkuat kuasa sehingga Bahagian VII Perlembagaan Persekutuan mula berkuat kuasa.

(2) Sehingga Bahagian III mula berkuat kuasa, apa-apa wang yang di bawah Perlembagaan ini (termasuk Bahagian III) hendaklah dipertanggungkan kepada hasil Negeri dan pembayaran hendaklah dibuat menurut Fasal ini tanpa kebenaran apa-apa undang-undang selanjutnya.

(3) Walau apa pun peruntukan Fasal (1) Perkara 28 hendaklah mula berkuat kuasa sebelum sahaja Hari Merdeka.

## **Pertukaran pegawai**

**43.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan mana-mana undang-undang yang ada, semua orang yang berkhidmat sebagai penjawat Kerajaan British berkaitan dengan hal ehwal Negeri Selat Melaka sebaik sahaja sebelum Hari Merdeka hendaklah pada hari tersebut terhenti menjadi penjawat Kerajaan British tetapi hendaklah terus berkhidmat sebagai penjawat Kerajaan Negeri dengan mempunyai kuasa itu juga dan terus menjalankan tugas itu juga pada Hari Merdeka mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang serupa sebagaimana yang dipakai bagi mereka sebelum sahaja hari itu.

(2) Perkara ini tidak dipakai bagi Resident Commissioner Melaka.

---

## **JADUAL-JADUAL**

### **JADUAL PERTAMA**

[Perkara 4, 7 dan 21]

### **BENTUK SUMPAH DAN IKRAR**

#### *1. Sumpah Jawatan bagi Yang di-Pertua Negeri*

Saya,....., setelah dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Melaka adalah dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya akan menunaikan kewajipan saya sebagai demikian dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri Melaka dan kepada Persekutuan, dan bahawa saya akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri Melaka.

#### *2. Sumpah Jawatan dan Taat Setia*

Saya,....., setelah dilantik memegang jawatan adalah dengan ini mengangkat sumpah (atau berikrar) dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan jawatan itu dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri Melaka dan kepada Persekutuan, dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Negeri Melaka.

### 3. *Sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri*

Saya,....., setelah dipilih sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Melaka adalah dengan ini mengangkat sumpah (atau berikrar) dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan saya sebagai yang demikian dengan jujur dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri Melaka dan kepada Persekutuan, dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Negeri Melaka.

### 4. *Sumrah Kerahsiaan*

Saya,....., adalah dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya tidak akan memberitahu atau menzahirkan kepada sesiapa sama ada secara langsung atau secara tidak langsung apa-apa perkara yang dibawa untuk pertimbangan saya atau yang akan diketahui oleh saya sebagai seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi Negeri Melaka kecuali sebagaimana yang mungkin dikehendaki untuk menunaikan dengan sempurna kewajipan saya sebagai yang demikian atau sebagaimana yang mungkin dibenarkan dengan khas oleh Yang di-Pertua Negeri.

---

#### **JADUAL KEDUA**

(Dipotong oleh En. No. 3/1994).

---

#### **\*JADUAL KETIGA**

[Perkara 40]

#### **PERUNTUKAN PERINTAH DALAM MAJLIS MESYUARAT PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948 YANG TERUS BERKUAT KUASA**

<i>Peruntukan berterusan</i>	<i>Ubah suaian</i>
Seksyen 17	...
Seksyen 18	... Dengan meninggalkan perenggan (a) dan proviso.
Seksyen 19	... Dalam subseksyen (1) menggantikan perkataan “shall” pada kali pertama ia terdapat dengan perkataan “may” dan meninggalkan perkataan “or otherwise under the Crown”. Dengan meninggalkan perkataan “by the Resident Commissioner” dalam subseksyen (2).
Seksyen 20	...
Seksyen 21	...

---

\*CATATAN—Peruntukan ini adalah berbentuk peralihan dan ketika ini ia tidak lagi terpakai.

*Peruntukan  
berterusan**Ubah suaian*

- Seksyen 22 ... Dalam perenggan (*f*) dengan menggantikan perkataan “Resident Commissioner” dengan perkataan “Governor”.
- Seksyen 23 ... Dalam subseksyen (1) dengan menggantikan “during Her Majesty’s pleasure” dengan perkataan “during the pleasure of the Governor”.
- Dengan meninggalkan perenggan (*c*) dalam subseksyen (3); dengan menggantikan perkataan “Resident Commissioner” dengan perkataan “Governor” dalam perenggan (*f*) dan (*l*).
- Dengan meninggalkan subseksyen (6) dan (7).
- Seksyen 24 ... —
- Seksyen 26 ... Dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan “Resident Commissioner” dengan perkataan “Speaker”.
- Seksyen 27 ... Dengan menggantikan perkataan “Resident Commissioner” dengan perkataan “Speaker”.
- Seksyen 32 ... Dalam subseksyen (2) dan (3) dengan menggantikan perkataan “Resident Commissioner” dengan perkataan “Speaker”.
- Seksyen 34 ... Dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan “save in cases of urgency” dengan perkataan “Resident Commissioner”.
- Dengan meninggalkan subseksyen (2).
- Seksyen 35 ... Dengan meninggalkan proviso.
- Seksyen 36 ... Dalam subseksyen (1) dengan meninggalkan perkataan “in Her Majesty’s name” pada akhir subseksyen.
- Dengan meninggalkan subseksyen (2).
- Dengan meninggalkan subseksyen (4).
- Seksyen 39 ... Dengan meninggalkan perkataan “and of such Instructions as aforesaid”.
- Seksyen 41 ... —
- Seksyen 42 ... Dengan menggantikan perkataan “Resident Commissioner” dengan perkataan “Speaker”.

<i>Peruntukan berterusan</i>	<i>Ubah suaian</i>
Seksyen 43 ...	Dengan menggantikan perkataan “Resident Commissioner”, pada kali pertama ia terdapat dalam proviso dengan perkataan “Governor”, dan menggantikan perkataan “Speaker” pada kali kedua ia terdapat.
Seksyen 44 ...	Dengan menggantikan perkataan “Resident Commissioner” dengan perkataan “Speaker”, dan menggantikan perkataan “oath of office” sehingga perkataan “Third Schedule to this Order” dengan perkataan “oath of office and allegiance set out in the First Schedule to the State Constitution” dan selepas perkataan itu, memasukkan perkataan “and the said oath, when taken by an elected member, shall be modified by substituting for the word ‘appointed’ the word ‘elected’ ”.
Seksyen 45 ...	Dengan menggantikan perkataan “Resident Commissioner” dengan perkataan “Governor”.
Seksyen 46 ...	Dalam subseksyen (1) meninggalkan perkataan “or dissolve”.  Dengan meninggalkan subseksyen (2) dan (3).
Seksyen 46A ...	—
Seksyen 48 ...	—

## **UNDANG-UNDANG NEGERI MELAKA**

### **PERLEMBAGAAN NEGERI MELAKA**

#### **SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
En. No. 5/1957	Enakmen (Pindaan) Perlembagaan 1957	31-08-1957
En. No. 11/1958	Enakmen (Pindaan No. 2) Perlembagaan 1958	31-12-1958
En. No. 12/1962	Enakmen (Pindaan) Perlembagaan Negeri Melaka 1962	04-10-1962
En. No. 7/1963	Enakmen (Pindaan) Perlembagaan Negeri Melaka 1963	19-12-1963
En. No. 12/1964	Enakmen (Pindaan) Perlembagaan Negeri Melaka 1964	31-12-1964
En. No. 4/1967	Enakmen (Pindaan) Perlembagaan Negeri Melaka 1967	06-04-1967
En. No. 9/1973	Enakmen (Pindaan) Perlembagaan Negeri Melaka 1973	22-11-1973
En. Bil. 3/1977	Enakmen (Pindaan) Perlembagaan Negeri Melaka 1977	27-08-1976
En. No. 1/1983	Enakmen (Pindaan) Perlembagaan Negeri Melaka 1983	22-07-1983
En. No. 13/1983	Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) (No.2) 1983	29-12-1983
En. No. 1/1984	Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) 1984	07-06-1984
En. No. 3/1990	Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) 1990	28-09-1990

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
En. No. 5/1992	Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) 1992	20-11-1992
En. No. 8/1993	Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) (Pindaan) 1993	20-11-1992
En. No. 9/1993	Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) 1993	23-07-1993
En. No. 3/1994	Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) 1994	22-07-1994
En. No. 2/1996	Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) 1996	22-04-1996
En. No. 4/2003	Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) 2003	05-10-2003
En. No. 1/2006	Enakmen Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) 2006	08-09-2006

---

## **UNDANG-UNDANG NEGERI MELAKA**

### **PERLEMBAGAAN NEGERI MELAKA**

#### **SENARAI PERKARA YANG DIPINDA**

Perkara	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	En. Bil. 3/1977	27-08-1976
2	En. No. 8/1993	20-11-1992
3	En. Bil. 3/1977	27-08-1976
4	En. Bil. 3/1977 En. No. 2/1996	27-08-1976 22-04-1996
Bab 2 (Tajuk)	En. No. 9/1993	23-07-1993
4A	En. No. 9/1993	23-07-1993
5	En. No. 9/1993	23-07-1993
7	En. No. 7/1963 En. No. 2/1996	19-12-1963 22-04-1996
7A	En. No. 9/1993	23-07-1993
8	En. No. 9/1993	23-07-1993
10	En. No. 2/1996	22-04-1996
11	En. No. 5/1992 En. No. 4/2003	20-11-1992 05-10-2003
13	En. No. 12/1962 En. Bil. 3/1977 En. No. 13/1983 En. No. 3/1990	04-10-1962 27-08-1976 29-12-1983 28-09-1990
15	En. No. 7/1963	19-12-1963
18	En. No. 13/1983 En. No. 2/1996	29-12-1983 22-04-1996
19	En. No. 3/1994 En. No. 2/1996	22-07-1994 22-04-1996

Perkara	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
20	En. No. 13/1983 En. No. 2/1996	29-12-1983 22-04-1996
22	En. Bil. 3/1977	27-08-1976
26	En. No. 13/1983 En. No. 1/1984 En. No. 2/1996	29-12-1983 07-06-1984 22-04-1996
30	En. No. 12/1964 En. No. 4/1967 En. Bil. 3/1977	31-12-1964 06-04-1967 27-08-1976
31	En. Bil. 3/1977	27-08-1976
32	En. Bil. 3/1977	27-08-1976
34	En. No. 3/1994	22-07-1994
34A	En. No. 1/1983	22-07-1983
34B	En. No. 1/1983	22-07-1983
36	En. No. 9/1973	22-11-1973
36A	En. No. 4/2003 En. No. 1/2006	05-10-2003 08-09-2006
37	En. Bil. 3/1977	27-08-1976
39	En. Bil. 3/1977	27-08-1976
40	En. No. 5/1957 En. No. 11/1958 En. Bil. 3/1977	31-08-1957 31-12-1958 27-08-1976
Jadual Pertama	En. Bil. 3/1977	27-08-1976
Jadual Kedua	En. No. 3/1994	22-07-1994



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

**PNMB**